

PENERANGAN INFOGRAFIK

RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1, **sebanyak sembilan pengauditan prestasi bernilai RM10.749 bilion telah dilaksanakan** di lapan kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat pengauditan bernilai RM5.368 bilion melibatkan kategori program/aktiviti dan lima pengauditan bernilai RM5.381 bilion melibatkan kategori projek. Sebanyak satu program/aktiviti tidak melibatkan perbelanjaan pembangunan iaitu Perkhidmatan Konsesi Kerajaan Elektronik (e-Khidmat) oleh Syarikat Perkhidmatan.
2. Sebanyak sembilan pengauditan tersebut merangkumi seperti berikut:
 - a. Dua pengauditan masing-masing melibatkan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pengangkutan.
 - b. Satu pengauditan masing-masing melibatkan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.
3. Secara keseluruhannya, daripada sembilan program/aktiviti/projek yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:
 - 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif projek didapati:
 - a. **Satu program/aktiviti/projek telah berjaya mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan, iaitu Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan Hospital Angkatan Tentera Malaysia.
 - b. Sebanyak **empat program/aktiviti/projek tidak dapat diukur** iaitu Projek dan Program Di Bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Projek Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media, Projek Pusat Kawalan Trafik Udara Baharu dan Sistem-Sistem yang Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region serta Projek Naik Taraf dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia.
 - c. Sebanyak **empat program/aktiviti/projek tidak mencapai sepenuhnya objektif projek** iaitu Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah,

Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur, Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Perkhidmatan Konsesi Kerajaan Elektronik (e-Khidmat) oleh Syarikat Perkhidmatan.

3.2. Terdapat **satu kes pembaziran bernilai RM18,315** melibatkan Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Perkara ini adalah berkaitan peralatan yang dibeli untuk peserta tidak dimanfaatkan.

3.3. Terdapat juga **dua kes melibatkan pembayaran tidak teratur bernilai RM5.63 juta** melibatkan program Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Projek Pusat Kawalan Trafik Udara Baharu dan Sistem-Sistem yang Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region. Antara kes ini adalah berkaitan terlebih bayaran kepada pihak hotel, pembayaran bagi peralatan yang tidak mengikut spesifikasi, skop kerja tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor serta kesilapan dalam pengiraan bayaran kepada perunding.

3.4. Di samping itu berlaku **dua kes kehilangan/kerugian wang awam bernilai RM2.80 juta** melibatkan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Projek Pusat Kawalan Trafik Udara Baharu dan Sistem-Sistem yang Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region. Antara kes yang terlibat adalah berkaitan denda yang dikenakan gagal dikutip, kos imbuhan balik kepada perunding dimasukkan dalam kontrak walaupun menyalahi pekeliling dan penalti kepada kontraktor tidak dikenakan.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, **Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 33 syor** untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah kementerian/jabatan/agensi dimohon menjalankan kajian terperinci bagi setiap cadangan projek terlebih dahulu sebelum diluluskan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi juga harus mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan program/aktiviti/projek dilaksanakan mengikut jadual atau prosedur operasi standard yang ditetapkan. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian keberhasilan semasa di peringkat perancangan untuk setiap program projek yang dilaksanakan.